



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

1. Adakah sektor agrikomoditi tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri?

Ya. Semua kerja di sektor agrikomoditi tertakluk kepada PKPB yang dikeluarkan.

2. Adakah sektor agrikomoditi dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPB tersebut?

Semua sektor agrikomoditi dibenarkan beroperasi **bermula 4 Mei 2020** tertakluk kepada syarat-syarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

3. Apakah syarat-syarat lain yang dikenakan dalam sektor agrikomoditi?

Syarat-syarat lain yang dikenakan adalah:

- (i) Tertakluk kepada peraturan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa;
- (ii) Operasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dibenarkan; dan
- (iii) Pekerja asing wajib menjalani ujian saringan kesihatan Covid-19.

4. Apakah aktiviti yang tidak dibenarkan dalam sektor agrikomoditi?

Aktiviti yang tidak dibenarkan dalam sektor agrikomoditi adalah merujuk kepada **senarai aktiviti dilarang yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)** semasa PKPB seperti perhimpunan orang ramai.

5. Apakah subsektor, aktiviti dan siapa yang dibenarkan terlibat dengan kelonggaran di sektor perladangan dan komoditi?

SAWIT

- (i) Aktiviti yang terlibat bagi subsektor sawit adalah seperti berikut:
 - (a) Pengeluaran sawit dan rantaianya seperti penuaian, pengumpulan dan pengangkutan buah tandan segar sawit oleh syarikat perladangan dan pekebun kecil;
 - (b) Penyelenggaraan bagi ladang dan pekebun kecil;
 - (c) Dagangan seperti jualan, belian, penggredan, pengumpulan dan pengangkutan buah tandan sawit;
 - (d) Pemprosesan buah tandan segar dilaksanakan oleh kilang-kilang sawit;
 - (e) Pemprosesan minyak sawit mentah di kilang penapis untuk pengeluaran minyak masak bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan; dan
 - (f) Input pertanian seperti anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti, jentera dan mesin.
- (ii) Pihak yang terlibat dengan kelonggaran ini adalah pemilik ladang/pekebun kecil, peniaga buah sawit (DF), pengilang buah kelapa sawit (MF) dan pengilang penapis (RF) yang mempunyai lesen yang berdaftar dan masih sah dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).
- (iii) Dalam melaksanakan urusan niaga dan pengalihan keluaran kelapa sawit sepanjang tempoh PKPB, setiap pihak yang terlibat perlu membawa bersama surat perakuan MPOB yang boleh dimuat turun menerusi laman sesawang MPOB berserta salinan lesen MPOB yang sah.
- (iv) Pertanyaan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh MPOB kepada pihak industri sawit dan pelanggan dalam tempoh PKP ini, boleh menghubungi talian **03-8769 4400** atau emel kepada general@mpob.gov.my.

GETAH

- (i) Aktiviti-aktiviti yang terlibat bagi rangkaian subsektor getah adalah:
 - (a) Pengeluaran bahan tanaman getah - perolehan biji getah, semaian biji getah, percantuman anak pokok getah, penghantaran dan penjualan bahan tanaman getah termasuk kerja-kerja penyelenggaraan nurseri seperti pembajaan, meracun dan pembersihan;
 - (b) Pengeluaran getah – penorehan, penghantaran, penyelenggaraan, penjualan dan rantaianya bagi pekebun kecil persendirian dan estet;
 - (c) Perniagaan getah – aktiviti membeli, menyimpan dan menjual getah di peringkat domestik termasuk penghantaran, penyelenggaraan, pengangkutan dan rantaianya bagi perniagaan getah;
 - (d) Dagangan getah - aktiviti pemasaran dan pengeksportan termasuk penghantaran, penyelenggaraan dan rantaianya;
 - (e) Pemprosesan getah – aktiviti memproses getah termasuk penghantaran, penyelenggaraan, pembungkusan dan rantaianya bagi kilang pemprosesan getah; dan
 - (f) Input pertanian (baja, racun, alat ganti jentera dan mesin).
- (ii) Pihak yang terlibat dengan kelonggaran ini adalah:
 - (a) Pemegang lesen *nursery*;
 - (b) Pemegang permit autoriti transaksi getah (PATG);
 - (c) Pemegang lesen estet getah;
 - (d) Pemegang lesen runcit, kelompok dan pukal;
 - (e) Pemegang lesen dagangan, lesen mengeksport getah dan lesen mengeksport sarung tangan getah;
 - (f) Pemegang lesen memproses dan membungkus getah; dan

- (g) Pembekal-pembekal input pertanian dan lain-lain yang berkaitan dalam rantai getah.

KAYU-KAYAN

- (i) Untuk urusan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran:
 - (a) Gunakan sistem *online* MCS Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia;
 - (b) E-mel semua dokumen yang diperlukan ke mcshelp@mtib.gov.my; dan
 - (c) Dokumen juga boleh dikemukakan secara manual ke Ibu Pejabat MTIB, pada hari bekerja dari Isnin hingga Jumaat mulai jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.
- (ii) Urusan pelesenan eksport dan import:
 - (a) Permohonan lesen hanya untuk syarikat yang masih sah berdaftar dengan MTIB; dan
 - (b) Gunakan sistem online MCS Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia.
- (iii) Pemeriksaan Fizikal
 - (a) Semua pengeksport perlu memohon Pemeriksaan Fizikal dari MTIB; dan
 - (b) Serahan dokumen berkaitan boleh dilakukan melalui e-mel ke mcshelp@mtib.gov.my atau *hardcopy* ke pejabat MTIB berhampiran.
- (iv) Urusan dokumen manual seperti lesen MYTLAS, Permit CITES, *Statement on Legality of Timber Source*, *Statement of Rubber Wood* dan Lesen Import JK69 boleh dilaksanakan. Pejabat MTIB akan beroperasi setiap hari bekerja dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Sila hubungi Pejabat MTIB yang berhampiran.

KOKO

- (i) Aktiviti-aktiviti yang terlibat bagi rangkaian subsektor Koko adalah:
 - (a) pengeluaran biji koko basah/kering oleh pekebun kecil koko;
 - (b) pembelian koko basah dan koko kering oleh pemegang lesen Pedagang koko daripada pekebun kecil koko; dan
 - (c) pembekalan anak benih koko bagi tujuan tanaman koko oleh usahawan nurseri koko.
- (ii) Pihak yang terlibat dengan kelonggaran ini adalah pemilik ladang, pekebun kecil koko, usahawan nurseri koko, pemproses koko, pedagang koko, penggred koko, pengisar koko, pengeluar coklat & konfeksi koko & usahawan coklat, pengeksport koko & produk.
- (iii) Sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatanyang disediakan oleh LKM kepada pihak industri koko dan pelanggan dalam tempoh PKP bersyarat ini, boleh diemailkan ke mcb_enquiry@koko.gov.my atau hubungi talian pejabat-pejabat LKM atau talian 0198614470.

LADA

- (i) Aktiviti-aktiviti yang terlibat bagi rangkaian subsektor lada adalah:
 - (a) aktiviti berkaitan pengeluaran lada termasuk penanaman, penyelenggaraan kebun, penuaian lada dan penjualan hasil lada oleh pekebun kecil lada;
 - (b) aktiviti pembelian hasil lada daripada pekebun kecil lada oleh peraih lada dan pengeksport lada;
 - (c) aktiviti pemprosesan lada peringkat eksport di semua loji bagi memenuhi tuntutan pembeli luar negara / tempatan;
 - (d) aktiviti pengangkutan lada bagi tujuan jual beli, pemprosesan dan pengeksportan;
 - (e) aktiviti pengambilan sampel dan pengredan di semua peringkat pengeksport lada;

- (f) aktiviti analisis makmal lada yang telah disampel mengikut permohonan pengeksport; dan
- (g) Sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Lembaga Lada Malaysia kepada pihak industri lada dan pelanggan dalam tempoh PKP bersyarat ini, boleh diemailkan ke korporat@mpb.gov.my atau hubungi talian atau whatsapp 0145925962.

KENAF

- (i) Aktiviti-aktiviti yang terlibat bagi rantai subsektor kenaf adalah:
 - (a) Aktiviti mekanisasi ladang, penanaman, penuaian, penghantaran, penyelenggaraan dan rantaianya bagi pekebun kecil kenaf;
 - (b) Aktiviti mekanisasi ladang, penanaman, penuaian, penghantaran, penyelenggaraan dan rantaianya bagi pengusaha ladang kenaf;
 - (c) Aktiviti pemasaran melibatkan pusat pengumpulan dan pemasaran yang dikawalselia oleh LKTN;
 - (d) Pengoperasian, penghantaran, penyelenggaraan dan rantaianya bagi pusat pemprosesan dan kilang produk kenaf;
 - (e) Pengedaran input pertanian (benih, baja, racun, alat ganti jentera dan mesin) melibatkan rantai aktiviti di atas; dan
 - (f) Sebarang pertanyaan mengenai semua aktiviti di atas boleh dikemukakan melalui emel kepada ukk@lktm.gov.my atau menghubungi talian hot line 09-7668000.

BIODIESEL

- (i) Semua kilang pengeluaran biodiesel adalah dibenarkan beroperasi secara 24 jam/sehari dengan kapasiti pekerja yang penuh (100%).
- (ii) Semua kilang pengeluaran biodiesel dan aktiviti-aktiviti yang menyokong dan berkaitan dengan pengeluaran biodiesel dibenarkan meneruskan aktiviti masing-masing dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - (a) Majikan perlu menyediakan protokol pencegahan penyakit dan sekatan di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan

pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia;

- (b) Melaksanakan saringan di pintu masuk kilang bagi mengesan gejala berkaitan Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari;
- (c) Menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner untuk mengukur suhu badan pekerja. Pekerja yang mempunyai suhu badan 37.5° celcius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan dan pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat;
- (d) Melaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom;
- (e) Setiap kilang pengeluar biodiesel masih tertakluk kepada segala peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa; dan
- (f) Segala pengoperasian kilang biodiesel di kawasan yang telah diklasifikasikan sebagai kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan.

6. Adakah lesen eksport dan import yang MTIB keluarkan memadai untuk konsainmen melepasi semua pintu keluar dan pintu masuk untuk tujuan eksport dan import?

Tidak. Pelepasan keluar dan masuk konsainmen adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang digariskan oleh Agensi Kerajaan Lain (OGA) seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan lain-lain yang berkuatkuasa.

7. Apakah prosedur pencegahan yang perlu diambil bagi perkara berikut?

- (i) pengeluaran agrikomoditi (sawit, getah, koko, lada, kenaf dan kayu kayan termasuk ladang hutan) dan rantaianya (penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan) bagi ladang dan pekebun kecil;
- (ii) dagangan agrikomoditi (jualan, belian, penggredan, pengangkutan dan pengumpulan); dan

- (iii) **input pertanian (anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin).**

Jawapan:

(i) Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan

Pemilik ladang/pekebun kecil perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

(ii) Pemeriksaan dan Pemantauan Kesihatan Sebelum Operasi

- (a) Semua pekerja adalah tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan sebelum memasuki kawasan operasi dengan menggunakan *non-contact thermometer* dan pemeriksaan bagi simptom-simptom Covid-19;
- (b) Maklumat mengenai tahap kesihatan pekerja hendaklah direkodkan dan disimpan oleh pemilik ladang/pekebun kecil;
- (c) Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakkan sosial (*social distancing*) dengan mengekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan pekerja yang lain; dan
- (d) Mana-mana pekerja yang telah dikenalpasti menunjukkan simptom-simptom Covid-19 hendaklah diberikan akses untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan kadar segera dan tindakan kuarantin perlu diambil. Justeru, pemilik ladang/pekebun kecil perlu menyediakan tempat kuarantin yang bersesuaian sekiranya kejadian ini berlaku.

(iii) Tindakan Pencegahan Semasa Operasi

- (a) Pengangkutan pekerja ke tempat operasi dalam kumpulan besar adalah tidak dibenarkan. Pemilik ladang/pekebun kecil perlu meminimalkan bilangan pekerja yang perlu melaksanakan operasi bagi mengurangkan risiko jangkitan di kalangan pekerja;
- (b) Semua pekerja hendaklah sentiasa mengekalkan kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) dengan

mengealkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara seorang pekerja dengan pekerja yang lain sepanjang tempoh operasi;

- (c) Pemilik ladang/pekebun kecil perlu meminimalkan situasi yang memerlukan para pekerja berkumpul secara beramai-ramai. Antaranya melaksanakan waktu rehat secara berperingkat bagi mengelakkan situasi berkenaan;
- (d) Pemilik ladang/pekebun kecil perlu menyediakan peralatan pencegahan penularan wabak seperti *hand sanitiser* dan topeng muka serta menempatkannya di lokasi-lokasi strategik di tempat tumpuan seperti pintu masuk ke kawasan operasi, surau, kantin dan kenderaan pekerja; dan
- (e) Pemilik ladang/pekebun kecil perlu melaksanakan proses disinfeksi secara berkala di kawasan operasi terutamanya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pekerja.

(iv) **Pemeriksaan Kesihatan ke Atas Pelawat/Pembekal**

- (a) Pelawat dan pembekal yang memasuki kawasan operasi perlu dihadkan dan mereka hanya dibenarkan memasuki kawasan operasi bagi tujuan yang perlu sahaja;
- (b) Tahap kesihatan semua pelawat dan pembekal hendaklah diperiksa dengan menggunakan *non-contact thermometer* dan diperiksa bagi simptom-simptom Covid-19; dan
- (c) Mana-mana pelawat dan pembekal yang telah dikenalpasti menunjukkan simptom-simptom Covid-19 tidak dibenarkan memasuki ke kawasan operasi.

(v) **Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan di syarikat)**

- (a) Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom;
- (b) Pekerja yang mempunyai suhu badan ialah 37.5° celcius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan; dan
- (c) Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.

8. Apakah prosedur pencegahan yang perlu diambil bagi kilang pemprosesan agrikomoditi (sawit, getah, kayu dan perabot, koko, lada, kenaf dan biodiesel)?

(i) Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan

Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

(ii) Saringan Kesihatan

- (a) Menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner;
- (b) Melaksanakan saringan bagi mengesan gejala berkaitan Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari; dan
- (c) Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk kilang / premis.

(iii) Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan di syarikat)

- (a) Laporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja melebihi 5% daripada jumlah bilangan pekerja kerana demam atau bersimptom;
- (b) Pekerja yang mempunyai suhu badan ialah 37.5° celcius ke atas atau menunjukkan sebarang simptom hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan; dan
- (c) Pekerja tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat.

9. Apakah tindakan yang boleh dikenakan sekiranya melanggar PKPB ini?

Kerajaan ingin menegaskan bahawa pelanggaran ini boleh dibatalkan dan ditarik balik, sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi oleh pihak pemilik ladang/pekebun kecil dan pengilang.

10. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh hubungi Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (UKK, MPIC) di talian yang disediakan di **03-8880 3321 / 03-8880 3325**, dari jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang**.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
4 MEI 2020